

06 JUN 2000

Ling-Menteri/I

PRESIDEN MCA MEMUTUSKAN TIDAK JADI LETAK JAWATAN KABINET

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mengejutkan negara pada 22 Mei lepas apabila mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan kabinet, memutuskan untuk terus memegang jawatan itu.

Menteri Pengangkutan itu yang masih kelihatan segar daripada bercuti selama 10 hari di Perth untuk memikirkan mengenai keputusan beliau meletakkan jawatan, membuat pengumuman mengenai perubahan pendiriannya dalam satu kenyataan yang dibacakannya di ibu pejabat MCA di sini.

Dr Ling berkata beliau menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini dan telah sekali lagi dinasihati supaya mengekalkan jawatannya.

Ketika mengumumkan rancangannya untuk meletakkan jawatan bulan lepas, beliau juga telah dinasihati Dr Mahathir supaya menyimpan sahaja surat peletakan jawatan itu.

Dr Mahathir sebaliknya mahu beliau mengambil cuti untuk membolehkannya memikirkan semula keputusannya itu.

"Dr Mahathir sentiasa memberi nasihat dan bimbingan kepada saya dalam pelbagai aspek," katanya.

Persidangan berita yang dipanggil oleh Dr Ling untuk mengumumkan keputusan menarik balik peletakan jawatannya bagaimanapun tidak diadakan kerana beliau enggan menjawab sebarang pertanyaan daripada kira-kira 50 wakil media yang hadir.

Pengumuman Dr Ling itu disambut dengan tepukan gemuruh oleh para pemimpin parti yang hadir.

Mereka termasuk timbalan presiden Datuk Lim Ah Lek, kesemua empat naib presiden Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy.

Dalam kenyataan enam perengannya itu, Dr Ling berkata peletakan jawatannya sebagai menteri telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan anggota dan pemimpin MCA di semua peringkat, pemimpin pertubuhan Cina, pemimpin Barisan Nasional dan masyarakat umum secara keseluruhannya.

"Mereka telah menyampaikan mesej melalui telefon, faks, media dan kawan-kawan saya.

"Saya amat terharu terhadap sokongan dan galakan yang saya terima dari semua pihak untuk menyeru saya memberi pertimbangan semula atas peletakan jawatan menteri," katanya.

Katanya beliau telah memperolehi gambaran yang lebih jelas mengenai apa yang majoriti mahu beliau lakukan setelah meneliti seruan dan nasihat daripada semua pihak, baik dalam parti mahupun luar parti.

Seruan dan nasihat yang sama juga datang daripada perundingan dengan para pemimpin MCA sebelum dan selepas beliau bercuti.

"Saya menghormati hasrat yang disampaikan oleh semua pihak terutama anggota MCA, pemimpin masyarakat, penyokong-penyokong dan rakan-rakan saya.

"Dengan ini saya ingin mengumumkan saya akan terus berkhidmat dalam kerajaan," kata Dr Ling yang juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas sokongan dan galakan berhubung perkara itu.

Sementara itu, Lim Ah Lek ketika ditemui kemudiannya mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir yang turut memberi pandangan dan nasihat sehingga mendorong Dr Ling mengekalkan jawatan dalam kabinet.

"Saya memang berbangga dan ini bermakna usaha kita berjaya supaya beliau menarik balik keputusan untuk meletak jawatan dalam kabinet," katanya.

"Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kita kerana atas usaha beliau Datuk Seri (Dr Ling) Presiden kita telah juga menarik balik keputusannya (meletak jawatan)," katanya.

Fong pula berbangga dengan keputusan Dr Ling itu setelah meneliti segala rayuan anggota parti, pemimpin masyarakat Cina dan berunding dengan Dr Mahathir.

Katanya keputusan itu membolehkan Dr Ling terus mewakili masyarakat Cina dalam kabinet dengan mendapat mandat penuh daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Dengan itu saya yakin bahawa hasrat ahli MCA dan kaum Cina akan lebih berkesan disuarakan dalam kabinet," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan keputusan Dr Ling meletak jawatan dan kemudiannya menarik balik keputusan itu sebagai usaha untuk melihat sejauh mana sokongan masyarakat Cina terhadapnya, Fong berkata, Dr Ling pada peringkat awal telah nekad untuk melepaskan jawatan kabinet.

Beliau juga menafikan dakwaan keputusan Dr Ling mengekalkan jawatan itu telah dijangka sejak awal lagi.

Chua pula berkata keputusan Dr Ling itu sangat menggembirakan semua pihak setelah pelbagai pihak merayu beliau mengekalkan jawatan.

Beliau mengakui keputusan Dr Ling menarik balik peletakan jawatan itu akan menimbulkan tanggapan negatif.

"Tentu akan ada pihak yang berfikiran negatif akan anggap apa jua keputusan itu sebagai negatif...itu biasalah," katanya.

Sementara itu Ketua Pemuda MCA yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Kiat yakin keputusan Dr Ling hari ini akan melegakan semua pihak yang akan membolehkan parti memberi tumpuan kepada cabaran-cabaran yang akan dihadapi pada alaf baru.

Sementara itu di Port Dickson, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menyambut baik keputusan Dr Ling itu.

"Ia adalah keputusan yang baik. Saya harap beliau tidak akan mengulangi tindakan itu lagi. Keputusan seperti itu menimbulkan banyak masalah kepada rakan-rakannya," kata Samy Vellu.

-- BERNAMA

RZS AR MNY LAT